

Notis Data Peribadi & Privasi

Version 3 | May 2023

Notis Data Peribadi dan Privasi ini dikeluarkan kepada semua pelanggan, sukarelawan, afiliasi, penderma dan rakan koperat yang dihargai selaras dengan kehendak Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010.

Tafsiran

Terma-terma yang digunakan dalam Notis Data Peribadi & Privasi ini akan ditafsirkan seperti berikut melainkan dinyatakan sebaliknya.

- **'GG'** merujuk kepada Yayasan Generasi Gemilang.
- **'Staf'** merujuk kepada individu yang bekerja dengan GG.
- **'Pelanggan'** merujuk kepada kanak-kanak atau kumpulan kanak-kanak, pelajar, dewasa, dan keluarga.
- **'Afiliasi'** merujuk kepada individu atau entiti yang menyediakan perkhidmatan atau kemahiran kepada GG.
- **'Kanak-kanak'** merujuk kepada sesiapa yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun.

Kami di Yayasan Generasi Gemilang (GG) mengendalikan dan memperlakukan data anda dengan serius. Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) adalah dipastikan bahawa data anda tidak akan digunakan untuk tujuan selain daripada apa yang diperlukan untuk menjalankan program-program kami.

Notis ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan makna atau maksud antara Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi yang akan diguna pakai adalah Bahasa Inggeris.

DATA PERIBADI

GG akan memproses data peribadi anda yang telah diberikan secara sukarela oleh anda kepada GG. Senarai data adalah seperti berikut:

- Nama, jawatan dan nama syarikat;
- Umur, jantina, tarikh lahir, nombor kad pengenalan (KP), nombor pasport;
- Warganegara, bangsa, agama;
- Status perkahwinan, butir-butir majikan;
- Maklumat perhubungan (yakni nombor telefon, nombor telefon bimbit, alamat rumah, alamat surat-menyurat dan alamat e-mel); dan
- Apa-apa data peribadi yang berasal dari sebarang bentuk dokumentasi.

Data Peribadi Sensitif¹ juga boleh dikumpulkan secara manual untuk GG memberi perkhidmatan-perkhidmatan tertentu. Bagi data peribadi sensitive, GG akan mendapatkan persetujuan secara nyata daripada Individu bagi pemprosesan data peribadi itu².

TUJUAN DATA PERIBADI

Data ini akan diproses bagi maksud yang berikut:

- Untuk proses aplikasi untuk menerima perkhidmatan GG;
- Untuk tujuan pentadbiran (iaitu untuk menghubungi, tindak balas kepada pertanyaan anda, memberikan anda maklumat terkini daripada GG);

- Memaklumkan kepada anda tentang program-program kami;
- Untuk mengajukan pertanyaan kepada anda dalam penyertaan anda dalam program-program kami;
- Untuk mematuhi keperluan undang-undang dan berkanun;
- Untuk penyelenggaraan pangkalan data kami;
- Untuk tujuan bil dan kewangan

¹ "Data Peribadi Sensitif" adalah apa-apa data peribadi yang mengadungi maklumat tentang kesihatan atau keadaan fizikal atau mental seorang subjek data, pendapat politiknya, kepercayaan agamanya atau kepercayaan lain yang bersifat seumpamanya, pelakuan atau pengataan perlakuan apa-apa kesalahan olehnya atau apa-apa data peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri melalui perintah yang disiarkan dalam Warta.

² Tertakluk kepada peruntukan Seksyen 40 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

- Untuk tujuan semakan penglibatan atas jenayah terhadap kanak-kanak bagi memastikan keselamatan kanak-kanak dalam program.
- Untuk segala tujuan yang bersampingan dan berkaitan dengan mana-mana yang tersebut di atas.

Mohon ambil perhatian bahawa senarai di atas adalah tidak lengkap. Kami akan memaklumkan kepada anda dan mendapatkan persetujuan anda apabila kami perlu menggunakan data anda untuk sebarang tujuan lain selain daripada yang dinyatakan di atas.

PENGGUNAAN DAN PENDEDAHAN

Kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda untuk tujuan di atas kepada pihak-pihak berikut:

- Mana-mana kakitangan GG yang kami ambil bekerja untuk memastikan bahawa data anda dilindungi;
- Mana-mana kakitangan GG kami yang menggunakan data bagi maksud menjalankan dan memudahkan program kami;
- Mana-mana kakitangan GG kami yang menggunakan data untuk tujuan pentadbiran;
- Mana-mana rakan korporat dan afiliasi yang membantu kami untuk menjalankan dan memudahkan program kami;
- Pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan pemprosesan data; dan
- Mana-mana orang yang kepadanya kita dipaksa atau dikehendaki berbuat demikian di bawah undang-undang atau sebagai tindak balas kepada agensi berwajib atau kerajaan dan tujuan penguatkuasaan undang-undang.

Mohon ambil perhatian bahawa senarai yang terdapat di atas adalah tidak lengkap. Kami akan memaklumkan kepada anda dan mendapatkan persetujuan anda apabila kami perlu mendedahkan data peribadi anda kepada pihak lain selain daripada yang dinyatakan di atas.

PERLINDUNGAN DAN KERAHSIAAN

Kami akan menyimpan dan memproses data anda dalam cara yang selamat. Kami berusaha, jika dapat dilaksanakan, untuk melaksanakan pentadbiran dan keselamatan perlindungan serta prosedur yang sesuai selaras dengan undang-undang dan peraturan-peraturan untuk melindungi keselamatan dan integriti data peribadi berkenaan.

KESAN DARIPADA KEGAGALAN MEMBEKALKAN DATA PERIBADI

Kegagalan memberi data peribadi seperti yang dinyatakan mungkin atau akan:

- Menyebabkan kami tidak dapat menyediakan perkhidmatan yang sesuai untuk anda dalam menjalankan program kami; dan
- Menyebabkan kami tidak dapat melaksanakan apa-apa kerja pentadbiran yang betul (iaitu untuk menghubungi, bertindak balas kepada pertanyaan anda, memberikan anda maklumat terkini daripada GG).

MENGAKSES ATAU MEMBUAT PINDAAN DATA ANDA

Jika anda ingin mengakses atau membuat pindaan kepada data peribadi anda atau untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan mengenai polisi dan prosedur, anda boleh menulis kepada info@gengemilang.org atau hubungi melalui talian pejabat kami di +603-78030957.

Walau bagaimanapun, sebarang permintaan untuk mengakses atau membetulkan data peribadi anda akan tertakluk kepada keperluan undang-undang di bawah akta tersebut.